

19 AUG 1996

Mahathir-Kelantan

PM GESA RAKYAT TINGGALKAN PAS BAGI PECAH KEBUNTUAN POLITIK K'TAN

KUALA BERANG, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin krisis politik di Kelantan dapat diselesaikan sekiranya pemimpin dan penyokong PAS, khususnya wakil-wakil rakyatnya di negeri itu keluar beramai-ramai untuk menyertai UMNO.

Katanya masalah di Kelantan sekarang bukan berpunca daripada UMNO tetapi rakyatnya sendiri yang telah membuat pilihan sehingga memberi peluang kepada PAS untuk berkuasa.

"Saya percaya kebuntuan politik di negeri itu dapat diselesaikan apabila orang PAS sendiri terutama wakil rakyatnya keluar beramai-ramai daripada parti itu," kata beliau ketika menjawab soalan pada persidangan berita semasa mengakhiri lawatannya ke Tasik Kenyir Golf Resort kira-kira 40 km dari sini.

Kerajaan Kelantan yang diterajui PAS kini dalam kebuntuan apabila parti itu memutuskan hubungannya dengan rakannya dalam Angkatan Perpaduan Ummah, Parti Melayu Semangat 46 (S46) pada 14 Julai lepas.

Bagaimanapun empat wakil S46 masih menganggotai Exco kerajaan negeri kerana Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat belum memperolehi perkenan Sultan untuk memecat mereka.

Perdana Menteri berkata jatuhnya sesebuah kerajaan negeri di negara ini tidak semestinya menerusi pilihan raya.

"Kerajaan PAS Kelantan boleh tumbang jika anggota Exco dan wakil rakyat PAS meninggalkan parti itu untuk menyertai UMNO," kata beliau.

Dr Mahathir bagaimanapun memberi jaminan kerajaan pusat tidak akan "bertindak dari atas" untuk menyelesaikan masalah di Kelantan bagi mengelakkan daripada dituduh menggunakan kekerasan untuk mengambil alih kuasa.

"Kita akan hanya bertindak kalau ada kacau-bilau atau huru-hara. Sehingga itu terserahlah kepada orang PAS sendiri sama ada mahu terus ditadbir oleh sebuah kerajaan yang tidak dapat berfungsi dengan berkesan atau sebaliknya," katanya.

Malahan, kata Perdana Menteri, demi kebaikan umat Melayu adalah baik bagi PAS mengambil dayausaha untuk dibubarkan dan seluruh anggotanya menyertai UMNO.

Katanya masanya sudah tiba bagi PAS mengkaji semula kewujudannya kerana laungannya hendak memperjuangkan Islam ternyata palsu.

"Islam tidak mengajar umatnya supaya berpecah-belah tetapi inilah yang dilakukan oleh PAS," kata beliau.

Dr Mahathir mencabar pemimpin-pemimpin PAS supaya menunjukkan sepotong ayat al-Quran atau Hadis yang menyuruh orang PAS jangan bersembahyang bersama-sama atau menegah mereka memakan sembelihan orang UMNO. -- BERNAMA

AM NMO